



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KONFLIK HUBUNGAN DALAM PASANGAN GURU-GURU MUDA CINA

LIM KENG CHEIAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

iv

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui penjelasan lelaki dan wanita guru-guru muda cina dalam sebab-sebab konflik hubungan dalam pasangan serta mengenal pasti sama ada penjelasan-penjelasan itu mencerminkan empat sudut pandangan dalam perbezaan jantina. Empat sudut pandangan ilmiah telah dikenal pasti untuk menjelaskan mengapa kesukaran komunikasi berlaku antara lelaki dan wanita, iaitu biologi, budaya, kuasa dan retorik. Teori pendirian digunakan untuk mengkaji respon subjek dan seterusnya membantu menjelaskan perbezaan penjelasan antara subjek lelaki dan wanita. Dengan menggunakan kaedah kualitatif, tiga kumpulan fokus yang menjadi subjek kajian ini menjawab soalan dan membincangkan sebab-sebab konflik pasangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa lelaki dan wanita percaya bahawa sebab-sebab konflik pasangan adalah naluri biologi, percakapan dan pemahaman berbeza, mementingkan diri, penghargaan, tempoh hubungan, didikan keluarga dan keperluan yang berbeza. Penjelasan lelaki dan wanita kepada punca konflik dapat mencerminkan sudut pandangan biologikal, budaya dan retorik seperti yang dikenal pasti dalam kajian lampau. Lelaki dan wanita didapati berbeza dalam cara berkomunikasi. Kajian ini membantu pasangan berkomunikasi dengan lebih baik dan lebih memahami pasangan mereka. Implikasinya, hubungan pasangan akan menjadi sihat dan kemungkinan kes penceraian dapat dikurangkan. Masalah keluarga yang berkurangan pasti akan mengurangkan masalah sosial.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

v

CONFLICT IN COUPLE RELATIONSHIP OF YOUNG MALAYSIAN CHINESE EDUCATORS

ABSTRACT

This study aims to examine how young Malaysian Chinese male and female educators explain causes of conflict in intimate relationships and examines whether the explanations reflect the four viewpoints in gender differences. Four scholarly viewpoints have been identified to explain why communication difficulties occur between men and women: biological, culture, power and rhetoric. Standpoint theory was used in this study to examine the response of the participants and to help to explain the differences in explanations between male and female participants. Using qualitative methods, three focus groups were conducted for this study with each group to answer questions and to discuss causes of conflict in couple relationship. Result shows that men and women believed that causes of conflicts in relationship are biological wiring, talking and listening differently, selfishness, appreciation, length of relationship, family education and different needs. Explanation of male and female to the cause of the conflict did reflect biological, culture and rhetorical viewpoints as identified in past studies. Male and female were found to be different in the way they communicate. This study can help couples to communicate better and to understand their mates better. As a result, the couples' relationship will be healthier and the likelihood of divorce can be reduced. Family problems that decreased will certainly reduce social problems as well.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

vi

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
------------------	----

PENGHARGAAN	iii
--------------------	-----

ABSTRAK	iv
----------------	----

ABSTRACT	v
-----------------	---



05-4506832

**KANDUNGAN**

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

vi

SENARAI JADUAL	x
-----------------------	---

SENARAI LAMPIRAN	xi
-------------------------	----

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Tujuan Kajian	8
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Soalan Kajian	10



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

vi



1.6	Kepentingan Kajian	10
1.7	Skop dan Limitasi Kajian	12
1.8	Definisi Operasional	13
1.9	Kerangka Kajian	16
1.10	Rumusan	17

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	18
2.2	Gaya Konflik Pasangan	21
2.3	Strategi Konflik	24
2.4	Punca Konflik	26
	2.4.1 Matlamat dan Penyelesaian	27
	2.4.2 Perbezaan Jantina	28
	2.4.2.1 Pandangan Biologikal	29
	2.4.2.2 Pandangan Budaya	32
	2.4.2.3 Pandangan Kuasa	35
	2.4.2.4 Pandangan Retorik	38
2.5	Teori Kajian	40
2.6	Kumpulan Berfokus	43
2.7	Rumusan	51





BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	53
3.2	Reka Bentuk Kajian	55
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	56
3.4	Lokasi Kajian	58
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	59
3.6	Penganalisisan Data	61
3.7	Rumusan	62



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	64
4.2	Penjelasan Punca Konflik	66
4.2.1	Tema Penjelasan Dua Jantina Berkongsi	66
4.2.2	Tema Penjelasan Dua Jantina Berasingan	73
4.3	Analisis Sudut Pandangan Perbezaan Jantina	75
4.3.1	Pandangan Biologikal	75
4.3.2	Pandangan Budaya	76





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ix

4.3.3 Pandangan Kuasa	78
-----------------------	----

4.3.4 Pandangan Retorik	79
-------------------------	----

4.4 Rumusan	81
-------------	----

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	82
----------------	----

5.2 Perbincangan	85
------------------	----

5.3 Kesimpulan	92
----------------	----

5.4 Cadangan	94
--------------	----

5.5 Rumusan	97
-------------	----

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

SENARAI JADUAL

No Jadual	Muka Surat
Jadual 1.1 Bilangan Kes Cerai yang Direkodkan Mengikut Tahun di Malaysia	6
Jadual 1.2 Kadar Penceraiian 10 Negara Tertinggi	7
Jadual 2.1 Ringkasan Empat Sudut Pandangan Perbezaan Jantina	40
Jadual 4.1 Penjelasan Punca Konflik Lelaki dan Wanita	75
Jadual 4.2 Analisis Sudut Pandangan Perbezaan Jantina Lelaki dan Wanita	80



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xi

SENARAI LAMPIRAN

A	Surat Pengesahan Pegawai Psikologi Hospital Labuan	103
B	Surat Pengesahan Pakar Penyelidikan Labuan	104
C	Borang Persetujuan Peserta Kajian	105
D	Borang Maklumat Demografik	107
E	Soalan Kumpulan Berfokus	108
F	Email Pencarian Subjek	109
G	Senarai Hak Subjek Kajian	110



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

110



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Konflik boleh wujud di antara dua orang, kumpulan, organisasi atau negara. Konflik

adalah masalah dan mesti dikemukakan untuk mencapai keamanan, produktiviti dan si harmoni. Konflik antara suami dan isteri yang tidak diselesaikan dengan baik mungkin mengakibatkan permasalahan mental atau permasalahan mahkamah (Cohen, 2014).

Konflik adalah titik perubahan apabila seseorang individu bergelut untuk mencapai kualiti psikologikal (Erikson & Erikson, 1997). Konflik adalah terma yang umum, namun dalam psikologi ia merujuk kepada masa seseorang mengalami percanggahan lakuan, objektif atau idea.

Konflik dalam pasangan intim bukanlah sesuatu yang luar biasa. Walaupun tiada persamaan penuh untuk takrifan konflik, satu kefahaman umum adalah konflik melibatkan ketakserasan (Mackey, Diemer, & O'Brien, 2000; Messman & Mikeseli,





2000; Gottman, 1994). Konflik dijangkakan berlaku dan tidak dapat dielakkan; konflik sering timbul apabila orang ramai membangkitkan kemarahan antara satu sama lain sering berlaku dalam suatu perhubungan. Namun demikian, konflik mempunyai potensi untuk “meningkatkan persefahaman dan merangsang perubahan positif” (Roloff & Soule, 2002). Sering kali konflik tidak hanya melibatkan pertengkaran topik-topik, ia juga dipengaruhi peringkat sesuatu perhubungan itu (Baxter & Erbert, 1999). Penyelidik-penyalidik telah mengkaji berdozen sebab pasangan-pasangan berkonflik. Terdapat tiga penyebab utama kenapa pasangan-pasangan berkonflik: matlamat, penyelesaian dan perbezaaan jantina. Untuk kajian ini pengkaji akan menyentuh ringkas pada dua sebab pertama, tetapi akan bertumpu pada sebab ketiga, iaitu perbezaan jantina.



Empat sudut pandangan ilmiah telah dikenal pasti untuk menjelaskan mengapa kesukaran komunikasi berlaku antara lelaki dan wanita: biologi, budaya, kuasa dan retorik. Empat faktor telah diteorikan tentang mengapa lelaki dan wanita menghadapi kesukaran apabila berkomunikasi (Bate, 1988). Faktor biologi menyatakan bahawa lelaki dan wanita sukar berkomunikasi kerana perbezaan jantina. Faktor budaya menyatakan bahawa lelaki dan wanita masing-masing mempunyai budaya mereka sendiri mewujudkan perbezaan dalam cara mereka berkomunikasi. Faktor kuasa melihat perbezaan kuasa di antara lelaki dan wanita sebagai penyebab masalah berkomunikasi. Akhir sekali, faktor retorik melihat lelaki dan wanita mempunyai gaya komunikasi unik masing-masing menyumbang kepada bagaimana mereka menangani konflik. Kajian ini mengkaji sama ada guru-guru cina yang sudah berpasangan dapat mencerminkan





pendirian mereka dalam penjelasan untuk penyebab konflik dalam hubungan intim.

Teori pendirian telah digunakan dalam kajian ini untuk mengkaji respon subjek dan untuk membantu menjelaskan perbezaan di antara penjelasan antara subjek lelaki dan wanita. Teori Pendirian telah dibangunkan dari idea-idea ahli falsafah Jerman Georg Wilhelm Friedrich Hegel (Miller, 2005). Oleh kerana dua jantina mempunyai peranan berbeza, mereka juga memandang keadaan secara berbeza. Konrad dan Hartmann (2001) mendakwa bahawa “wanita dan lelaki membangunkan pandangan berbeza dalam dunia sosial disebabkan oleh mereka mempunyai pengalaman hidup yang berbeza.” Dengan menggunakan kaedah kualitatif, lima kumpulan fokus yang menjadi subjek kajian ini dengan setiap kumpulan menonton klip video konflik satu pasangan kekasih kemudian memberi respon berkaitan konflik dipaparkan dalam klip. Sebuah analisis respon yang dijalankan menunjukkan bahawa lelaki dan wanita percaya bahawa perbezaan matlamat, peringkat perhubungan dan perbezaan jantina menyebabkan konflik dalam hubungan intim. Penjelasan lelaki dan wanita kepada penyebab konflik dapat mencerminkan empat sudut pandangan ilmiah.

Teori pendirian mencadangkan bahawa golongan lemah akan membangunkan idea-idea yang akan merangkumi latar belakang yang lebih luas, manakala golongan berkuasa akan membangunkan idea-idea yang hanya merangkumi latar belakang mereka sendiri (Janack, 1997). Menggunakan teori ini sebagai satu panduan pengkaji menjangka bahawa lelaki dan wanita akan menemui sebab-sebab berbeza untuk konflik dalam





perhubungan-perhubungan intim. Wanita mungkin lebih cenderung mempunyai satu pemahaman lebih baik dalam perhubungan kuasa antara wanita dan lelaki dan mungkin lebih berkeupayaan memahami perspektif lelaki serta perspektif mereka sendiri, manakala lelaki mungkin lebih cenderung mempertimbangkan hanya perspektif dan latar belakang mereka sendiri. Pengkaji berpendapat wanita mungkin bertumpu ke arah pandangan kuasa kerana secara tradisi mereka telah mendapat kurang kuasa dalam masyarakat. Pengkaji berpendapat lelaki akan bertumpu ke arah pandangan biologi kerana mereka mungkin lebih cenderung menjelaskan kelakuan konflik lelaki wanita berdasarkan sebab-sebab luar kawalan mereka sendiri, seperti faktor-faktor biologi.



Walaupun pengkaji fikir wanita akan lebih cenderung bertumpu ke arah pandangan kuasa berbanding lelaki, pengkaji tidak menjangka pandangan kuasa menjadi satu penerangan popular. Pengkaji berpendapat dalam masyarakat hari ini lelaki dan wanita melihat diri mereka berada pada satu tahap yang lebih setara, terutamanya berbeza berbanding generasi lepas. Sebelum ini penglibatan lelaki dalam dunia perniagaan cenderung untuk meningkatkan kuasa lelaki, tetapi kini peningkatan penglibatan wanita dalam dunia perniagaan telah menambah kuasa wanita, seterusnya telah mempengaruhi hubungan-hubungan antara wanita dan lelaki, terutama sekali dalam perkahwinan (Gertsel & Clawson, 2014).

Pengkaji berpendapat lebih banyak penyelidikan dalam bidang ini dapat membantu mewujudkan perhubungan lebih sihat. Jika pasangan-pasangan mempunyai





pemahaman lebih baik tentang bagaimana dan mengapa mereka terlibat dengan konflik, mereka boleh menguruskan konflik mereka sendiri dalam satu cara lebih sihat.

1.2 Pernyataan Masalah

Dalam sesuatu perhubungan adalah tidak dijangka bahawa dua ahli akan sentiasa mendapat persetujuan dalam setiap perkara. Ia juga tidak dijangka bagi mereka untuk sentiasa gembira. Tetapi kejadian konflik adalah dijangka. Lebih komited anda dalam sesuatu perhubungan, lebih tinggi kemungkinan konflik akan berlaku. Dalam hubungan intim, terutamanya perkahwinan, pasangan sering mendedahkan pemikiran dalaman dan perasaan mereka. Setiap pasangan mempunyai masalah unik mereka sendiri dan topik-topik sensitif yang boleh menyebabkan satu pertengkaran timbul dengan cepat (Bruze et al., 2015). Empat topik sensitif yang menyebabkan pasangan-pasangan cenderung bertengkar antara satu sama lain, iaitu duit, seks, anak-anak dan kerja. Topik-topik ini bukan semestinya punca konflik. Topik-topik ini adalah apa yang pasangan-pasangan tengkarkan tetapi bukan punca mereka bertengkar. Sering kali konflik tidak hanya melibatkan pertengkaran topik-topik, ia juga dipengaruhi peringkat sesuatu perhubungan itu (Baxter & Erbert, 1999). Zak et al.,(1997) mendapati bahawa, bertentangan dengan kepercayaan biasa, pasangan-pasangan yang lebih berpuas hati melaporkan lebih banyak konflik daripada pasangan-pasangan kurang berpuas hati. Penyelidikan telah





menunjukkan bahawa cara pasangan-pasangan bertelingkah adalah lebih penting daripada topik pertelingkahan mereka.

Potensi konflik bukan sahaja sangat tinggi, malahan tidak dapat dielakkan. Konflik dalam pasangan suami isteri yang tidak ditangani dengan baik akan berakhir dengan penceraian. Kadar penceraian beberapa negara termasuk Amerika Syarikat kebelakangan ini amat merisaukan, iaitu melebihi 50% (*United Nations Statistical Division*, 2015). Menurut fakta yang direkodkan oleh Jakim dan Jabatan Pendaftaran Negara, bilangan kes penceraian di Malaysia semakin meningkat secara keseluruhannya menunjukkan satu fenomena yang agak membimbangkan.



Jadual 1.1:

Bilangan Kes Cerai yang Direkodkan Mengikut Tahun di Malaysia (Sumber: JAKIM dan Jabatan Pendaftaran Negara 2015)

Tahun	Orang Islam	Orang Bukan Islam
2000	13536	1613
2001	13187	3238
2002	13841	3793
2003	15534	3318
2004	16509	3219
2005	17708	3804
2006	21419	5747
2007	20529	4335
2009	27116	5647
2012	24886	9020
2013	49311	NA
2014	53870	NA





Jadual 1.2:

Kadar Penceraihan 10 Negara Tertinggi (Sumber: United Nations Statistical Division, UNSTAT 2015)

Kedudukan	Negara	Kadar Penceraihan
1	Belgium	71%
2	Portugal	68%
3	Hungary	67%
4	Republik Czech	66%
5	Sepanyol	63%
6	Luxembourg	60%
7	Estonia	58%
8	Cuba	56%
9	Perancis	55%
10	Amerika Syarikat	53%

Mengikut sumber daripada *United Nations Statistical Division* (2015), kadar penceraian luar negara sangat memerlukan. Beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat, Perancis dan Sepanyol merekodkan kadar penceraian lebih daripada 50%. Negara yang mencatat kadar penceraian yang paling tinggi adalah negara Belgium dengan kadar penceraian 71%.

Penceraihan akan membawa kesan-kesan negatif termasuklah peningkatan masalah keluarga, peningkatan kadar jenayah, peningkatan kadar kemiskinan dan peningkatan masalah kesihatan (Bruze, 2015). Seorang guru akan terpengaruh secara negatif jika menghadapi masalah dengan pasangannya. Begitu juga dengan setiap profesi yang lain. Penceraihan bukan sahaja memberi kesan negatif kepada suami dan isteri, tetapi anak-anak mereka. Kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu bapa yang lengkap akan menunjukkan prestasi yang lebih rendah dalam pelbagai bidang berbanding dengan kanak-kanak yang





mempunyai ibu-bapa yang lengkap (Henslin, 2013). Mereka mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi terlibat dalam kes-kes buang sekolah, kehamilan remaja, jenayah dan lain-lain lagi.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji penjelasan-penjelasan lelaki dan wanita tentang interaksi berkonflik dalam perhubungan-perhubungan intim, berfokus kepada apa yang

menyebabkan konflik, untuk melihat sama ada penjelasan-penjelasan mereka mencerminkan empat sudut pandangan yang dibincangkan. Zak et al., (1997) mendapati bahawa, bertentangan dengan kepercayaan biasa, pasangan-pasangan yang lebih berpuas hati melaporkan lebih banyak konflik daripada pasangan-pasangan kurang berpuas hati. Kajian Zak et al.,(1997) juga telah menunjukkan bahawa cara pasangan-pasangan bertelingkah adalah lebih penting daripada topik pertelingkahan mereka.

Penyelidik-penyelidik telah buat banyak kajian mengenai sudut pandangan, biasanya menumpukan atas hanya satu sudut pandangan atau cuba untuk menyingkirkan satu sudut pandangan. Kajian ini akan membawa sudut pandangan lebih lanjut berbanding kajian lampau, dengan melihat sama ada ia boleh digunakan dalam kehidupan harian. Kita tahu bahawa empat sudut pandangan dapat menjelaskan mengapa





lelaki dan wanita mempunyai kesukaran berkomunikasi, tetapi adakah orang biasa percaya bahawa teori-teori sama itu ialah punca satu konflik? Dan jika mereka memasukkan satu daripada sudut-sudut pandangan ke dalam penjelasan-penjelasan mereka, adakah lelaki dan wanita akan menggunakan sudut pandangan yang sama? Jika satu atau lebih sudut pandangan didapati menjadi punca konflik melalui penjelasan-penjelasan mereka dalam kajian ini ia bukan sahaja akan mengukuhkan penemuan-penemuan kajian lampau mengenai sudut-sudut pandangan tetapi juga boleh melihat kepada satu sudut pandangan yang menjadi lebih dominan kepada yang lain.

1.4 Objektif Kajian



Objektif utama kajian ini adalah untuk:

- i) Mengetahui penjelasan lelaki dan wanita guru-guru muda cina dalam sebab-sebab konflik hubungan dalam pasangan.
- ii) Mengenal pasti sama ada penjelasan-penjelasan lelaki dan wanita guru-guru muda cina tentang konflik hubungan pasangan mencerminkan empat sudut pandangan dalam perbezaan jantina iaitu biologi, budaya, kuasa dan retorik.





1.5 Soalan Kajian

- i) Bagaimanakah lelaki dan wanita guru-guru cina muda menjelaskan sebab-sebab konflik hubungan dalam pasangan?
- ii) Adakah penjelasan-penjelasan lelaki dan wanita guru-guru cina muda tentang sebab-sebab konflik hubungan pasangan mencerminkan empat sudut pandangan dalam perbezaaan-perbezaan jantina, iaitu biologi, budaya, kuasa dan retorik?



Kajian ini dapat membantu pengkaji dan pasangan supaya mempunyai pemahaman yang lebih mendalam terhadap punca-punca konflik hubungan pasangan. Ia akan mengkaji sudut pandangan jantina berbeza dan kesukaran komunikasi dan seterusnya menjelaskan sebab-sebab konflik. Pada masa yang akan datang, segala maklumat yang diperoleh dalam kajian ini akan membantu dalam kajian berkaitan untuk membantu para pasangan mencapai konflik hubungan yang lebih membina dalam hubungan mereka.

Konflik hubungan telah dinilai berdasarkan beberapa peringkat, dari topik khusus yang melibatkan pertelingkahan pasangan mengenai isu-isu yang lebih konseptual seperti





tingkah laku dan personaliti. Para penyelidik boleh menjalankan banyak penyelidikan komunikasi dan jenis konflik yang boleh berlaku pasangan dan lebih khusus lagi sebab-sebab mengapa konflik ini berlaku.

Macionis (2011) mendapati bahawa pasangan-pasangan berkahwin boleh mendapat manfaat daripada kajian yang “fokus pada pemahaman gaya-gaya pengurusan konflik dari perspektif pasangan-pasangan.” Kajian ini akan mengkaji sama ada terdapat corak atau tema berulang untuk bagaimana lelaki dan wanita menjelaskan sebab-sebab interaksi konflik dan lelaki dan wanita berbeza dalam bagaimana mereka menjelaskan sebab-sebab interaksi konflik.



Negara Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa. Untuk memahami perbezaan corak pendirian konflik hubungan pasangan lelaki dan wanita yang berlainan kaum di negara kita, kajian masa depan juga boleh dijalankan ke atas kumpulan subjek yang berlainan kaum. Kajian mengenai perbezaan pendirian konflik hubungan pasangan individu yang sudah bercerai dan individu berkahwin juga dijangka dapat memberi sumbangan yang amat besar dalam bidang ini.

Biasanya individu yang tidak memahami gaya konflik mereka sendiri atau strategi konflik pasangan mereka. Kurangnya pemahaman sering menyebabkan salah faham. Jika penyelidik dapat mempunyai pemahaman yang lebih baik terhadap apa yang





menyebabkan pertelingkahan di antara lelaki dan wanita, mungkin mereka boleh meningkatkan kesedaran lalu mewujudkan hubungan sesama manusia yang lebih sihat. Dengan itu, kisah-kisah sedih seperti penceraian dan anak yatim pasti dapat dikurangkan.

1.7 Skop dan Limitasi Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji penjelasan lelaki dan wanita guru-guru muda cina dalam konflik hubungan pasangan. Walau bagaimanapun, kajian ini masih mempunyai beberapa keterbatasan. Kajian ini hanya difokuskan kepada guru-guru muda cina berkahwin yang menetap di Perak sahaja.

Sampel peserta kajian ini adalah agak terhad. Secara keseluruhan hanya 30 orang yang telah ditemuduga; dan semua peserta berbangsa Cina Malaysia yang berumur di antara 21 hingga 40 tahun. Hasil kajian ini hanya boleh dikhususkan kepada kumpulan yang diwakili, Oleh itu ia adalah penting bahawa ia tidak dapat membuat generalisasi terhadap semua lelaki dan wanita di Malaysia. Kuantiti subjek yang lebih besar boleh memberikan lebih banyak maklumat untuk menyokong dapatan-dapatan kajian yang telah dikenal pasti.

Semua subjek kajian merupakan dewasa yang berprofesional guru. Matlamat





sebenarnya adalah untuk mendapatkan kumpulan yang mempunyai tahap pendidikan yang bersesuaian untuk kajian ini. Walau bagaimanapun, beberapa orang peserta daripadanya mengenali pengkaji dan beberapa peserta mengenali antara satu sama lain. Keadaan ini tidak mempengaruhi besar atau menjelaskan mana-mana peserta atas jawapan yang diberi kerana ia merupakan pandangan subjektif. Namun, kehadiran orang yang saling mengenali mungkin menjelaskan peserta terutamanya peserta yang mengenali pengkaji sebagai pengkaji mungkin akan mengubah keputusan jawapannya.

Untuk memastikan subjek mempunyai tahap komitmen yang tinggi terhadap hubungan pasangan heteroseksual, semua subjek yang dipilih adalah guru-guru muda yang berstatus berkahwin secara sah. Walau bagaimanapun, tahap komitmen subjek

sebenar mungkin berbeza atas sebab latar belakang mereka yang tersembunyi, contohnya kecenderungan seksual yang luar biasa atau mungkin ada subjek yang mempunyai kekasih yang lain selain daripada pasangan sah. Selain itu, tahap pendidikan, pegangan agama, bilangan anak, sejarah membesar juga merupakan antara faktor yang mungkin memberi kesan yang berbeza.

1.8 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah dan terma yang perlu difahami telah digunakan dalam kajian ini

i) Konflik

Konflik adalah terma yang umum, namun dalam psikologi ia merujuk kepada masa seseorang individu mengalami percanggahan lakuan, objektif atau idea. Konflik





adalah titik perubahan apabila seseorang individu bergelut untuk mencapai kualiti psikologikal (Erikson & Erikson, 1997). Konflik ialah “pengalaman keinginan-keinginan saling bercanggah” (Cohen, 2014). Walaupun terdapat beberapa takrifan konflik yang berlainan, satu kefahaman umum adalah konflik melibatkan ketaksesian (Mackey, Diemer, & O’Brien, 2000; Messman & Mikeseli, 2000; Gottman, 1994).

ii) Perbezaan jantina

Perbezaan jantina yang dimaksudkan bukanlah berfokus kepada ciri-ciri fizikal, tetapi lebih merujuk kepada psikologikal dan behavioral. Menurut Boutwell et al.,(2015),



lelaki dan wanita sering mentafsirkan sesuatu kelakuan dalam cara berlainan dan menghasilkan makna yang berlainan. Tannen (1990) juga percaya bahawa lelaki dan wanita mempunyai gaya pertuturan mereka sendiri.

iii) Pasangan

Dalam kajian ini, pasangan merujuk kepada seorang lelaki dan seorang wanita heteroseksual yang komited hidup bersama. Cahn (1992) mengenal pasti pasangan-pasangan yang mempunyai perhubungan intim, iaitu: (1) mereka telah mengalami satu hubungan yang rapat, (2) mereka saling bergantung dan (3) mereka melibatkan diri untuk tindakan-tindakan bersama. Pasangan dalam kajian ini tidak sekali merujuk kepada pasangan yang tidak komited, bawah umur, homoseksual,





biseksual atau mana-mana pasangan yang mempunyai unsur luar biasa.

iv) Teori Pendirian

Teori pendirian melihat bagaimana kedudukan sosial mempengaruhi pandangan dunia dan masyarakat kita (Miller, 2005). Kedudukan sosial juga mempengaruhi bagaimana kita melihat dan memahami sesuatu perkara. Teori pendirian kemudian melihat bagaimana ahli kelompok dominan dalam masyarakat akan melihat perspektif mereka sebagai “kebenaran” lalu menolak pandangan kelompok yang lain (Heckman, 2016).

v) Kumpulan Berfokus



Kumpulan berfokus adalah sekumpulan individu yang dipilih dan dikumpulkan bersama oleh penyelidik untuk berbincang dan memberi komen, daripada pengalaman peribadi mengenai topik yang menjadi subjek kajian (Powell & Single, 1996). Kumpulan berfokus adalah satu bentuk temu ramah kumpulan tetapi ia adalah penting untuk membezakan antara kedua-duanya. Temu ramah kumpulan melibatkan menemu ramah beberapa orang pada masa yang sama, penekanan kepada soalan dan jawapan di antara penyelidik dan peserta. Kumpulan berfokus bagaimanapun bergantung kepada interaksi dalam kumpulan berdasarkan topik yang dibekalkan oleh pengkaji (Morgan, 1997).

